XYLID TABLET 125MG

Cefuroxime 125mg (as Cefuroxime axetil)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Xylid Tablet
2. Bagaimana Xylid Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Xylid Tablet
4. Cara pengambilan Xylid Tablet
5. Semasa mengambil Xylid Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Xylid Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini

Apakah kegunaan Xylid Tablet

Xylid Tablet adalah antibiotik yang tergolong dalam kumpulan ubat yang dipanggil *cephalosporin*. Ia digunakan bagi merawat jangkitan yang disebabkan oleh bakteria tertentu, pada bahagian badan yang berlainan.

Xylid Tablet digunakan untuk merawat jangkitan pada:

- Telinga, hidung dan kerongkong
- Paru-paru dan dada
- Saluran kencing
- Kulit dan lapisan tisu lembut
- Penyakit hubungan kelamin

Bagaimana Xylid Tablet berfungsi

Xylid Tablet berfungsi dengan cara membunuh bakteria penyebab jangkitan atau menghentikan pertumbuhan bakteria tersebut. Xylid Tablet tidak akan berkesan melawan jangkitan yang disebabkan oleh virus seperti demam atau selesema.

Sebelum menggunakan Xylid Tablet

Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Xylid Tablet sekiranya:-

- anda alah (hipersensitif) kepada mana-mana antibiotik cephalosporin atau pada bahan-bahan yang terkandung di dalam Xylid Tablet.
- anda pernah mengalami tindakbalas alahan (hipersensitif) pada mana-mana antibiotik. Ini termasuk ruam pada kulit, gatal-gatal, sukar bernafas, bengkak pada bahagian muka, bibir atau lidah.

Memandangkan Xylid Tablet boleh menyebabkan pening, anda mestilah berhati-hati ketika memandu atau mengendalikan jentera.

Sekiranya anda tidak pasti, beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil Xylid Tablet.

Sebelum mula mengambil

Sebelum mengambil Xylid Tablet, beritahu doktor sekiranya anda ada atau pernah mengalami keadaan berikut:

- hipersensitif terhadap penisilin
- masalah buah pinggang
- penyakit saluran pencernaan (*gastrointestinal*) yang teruk
- hamil atau menyusukan bayi

Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi sekiranya anda sedang mengambil atau pernah mengambil ubat-ubat yang lain dalam masa yang terdekat ini. Ini termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dan juga ubat persediaan herba.

Ini kerana Xylid Tablet boleh memberi kesan pada cara sesetengah ubat lain berfungsi. Pada masa sama, ubat-ubat lain juga boleh memberi kesan pada cara Xylid Tablet berfungsi.

- Probenecid, ubat untuk penyakit gout.
- Estrogen, hormon steroid

Sekiranya anda memerlukan sebarang nasihat, hubungi doctor atau ahli farmasi anda.

Cara mengambil Xylid Tablet

Berapa banyak harus diambil

Sentiasa mengambil Xylid Tablet sepertimana yang telah diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Sekiranya tidak pasti, sila rujuk doktor atau ahli farmasi anda.

Telan keseluruhan Xylid Tablet dengan segelas air selepas makan. Jangan hancurkan ubat ini – kerana ia boleh menyebabkan ubat ini kurang berkesan.

Adalah penting bagi anda untuk menghabiskan Xylid Tablet yang diberikan. Tindakan melangkau dos atau tidak menghabiskan Xylid Tablet yang diberikan boleh menyebabkan: -

i. rawatan awal kurang berkesan
ii. kebarangkalian bakteria menjadi lebih tahan dan tidak boleh dirawat oleh *cefuroxime axetil* tablet atau ubat antibakteria yang lain pada masa hadapan.

Dos biasa:

Dewasa:

- Kebanyakkan jangkitan: 250 mg, 2 kali sehari
- Jangkitan saluran kencing: 125mg, 2 kali sehari
- Jangkitan saluran bawah yang ringan ke sederhana seperti bronkitis: 250 mg, 2 kali sehari
- Jangkitan saluran bawah yang lebih parah atau jika jangkitan pernafasan akut disyaki: 500 mg, 2 kali sehari
- Pielonefritis (jangkitan buah pinggang): 250 mg, 2 kali sehari
- Penyakit gonorea yang tidak rumit: dos tunggal 1 g.

Kanak-kanak:

- Kebanyakkan jangkitan: 125 mg (1 x 125mg) 2 kali sehari
- Kanak-kanak yang menghidap jangkitan telinga yang lebih parah: 250 mg (1 x 250mg atau 2 x 125mg) 2 kali sehari

Xylid Tablet tidak boleh diberikan kepada kanak-kanak yang berumur kurang daripada 3 bulan.

Kerosakan buah pinggang

Xylid Tablet disingkirkan dari badan melalui buah pinggang. Bagi buah pinggang yang terjejas fungsinya, disarankan dos Xylid Tablet dikurangkan (sila rujuk jadual dibawah). Xylid Tablet dapat disingkirkan melalui dialisis secara efektif.

Pelepasan Creatinine	Dos yang disarankan

≥30 ml.min T ½ (jam): 1.4 – 2.4	Tiada penyesuain dos diperlukan (dos standard 125 mg ke 500 mg diberikan 2 kali sehari)
10-29 ml.min T ½ (jam): 4.6	Dos standard individu diberikan setiap 24 jam
<10 ml.min T ½ (jam): 16.8	Dos standard individu diberikan setiap 48 jam
Semasa hemodialisis T ½ (jam): 2-4	Dos standard individu diberikan setiap akhir dialisis

Bila perlu diambil
Xylid Tablet biasanya diambil dua kali sehari. Ikut arahan yang diberikan oleh doktor anda atau rujuk pada label ubat.

Ubat ini sesuai diambil selepas makan.

Sekiranya anda masih tidak berasa sihat selepas mengambil ubat ini, sila berjumpa dengan doktor anda.

Berapa lama perlu diambil
Bergantung kepada jenis jangkitan, Xylid Tablet selalunya diambil selama tujuh hari. Ikut arahan doktor dan ahli farmasi anda.

Anda mesti menghabiskan Xylid Tablet walaupun anda sudah berasa sihat. Jika tidak, jangkitan mungkin akan berulang.

Sekiranya jangkitan anda semakin teruk atau tidak berkurang dalam masa beberapa hari atau terdapat jangkitan baru, sila jumpa doktor anda.

Jika terlupa mengambil
Jika anda terlupa mengambil Xylid Tablet, ambil sebaik sahaja anda teringat, tetapi sekiranya hampir masa untuk dos seterusnya, anda bolehlah cuma mengambil dos seterusnya. Jangan sesekali mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa. Sekiranya anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)
Jika anda mengambil terlalu banyak Xylid Tablet, anda mungkin mengalami symptom-simptom seperti sawan. Sila hubungi doktor anda atau jabatan kecemasan di hospital yang terdekat dengan kadar yang segera. Sekiranya perlu, sila bawa dan tunjukkan bungkusan Xylid Tablet.

Semasa menggunakan Xylid Tablet
Perkara yang perlu dilakukan
Beritahu doktor anda dengan segera sekiranya symptom-simptom infeksi tidak bertambah baik atau menjadi lebih teruk.

Beritahu doktor anda sekiranya anda mengandung atau menyusukan bayi.

Beritahu doktor anda tentang ubat yang sedang anda ambil. Xylid Tablet boleh mengganggu keputusan sesetengah ujian darah.

Perkara yang tidak boleh dilakukan
Jangan beri ubat ini kepada orang lain walaupun mereka mempunyai simptom-simptom yang sama seperti anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian
- Jangan berhenti mengambil *Xylid Tablet* walaupun anda telah berasa sihat, melainkan atas arahan doktor anda.
- Sekiranya anda tidak menghabiskan ubat yang telah dipreskripsi oleh doktor anda, berkemungkinan tidak semua bakteria yang menyebabkan jangkitan akan terbunuh. Bakteria ini akan terus membesar menyebabkan jangkitan tidak dapat dihapuskan secara menyeluruh atau jangkitan mungkin akan kembali.
- Jangan guna *Xylid Tablet* untuk merawat penyakit lain melainkan atas nasihat doctor.

Kesan-kesan sampingan
Beritahu doktor atau ahli farmasi anda secepat mungkin sekiranya anda mengalami masalah semasa mengambil *Xylid Tablet* walaupun anda merasakan masalah tersebut tidak berkaitan dengan ubat ini atau tidak dinyatakan di dalam risalah ini.

Seperti ubat-ubatan yang lain, Xylid Tablet boleh memberi kesan sampingan. Sekiranya ini berlaku, ia berkemungkinan ringan dan bersifat sementara. Akan tetapi, sebahagiannya mungkin serius dan memerlukan perhatian perubatan. Kesan-kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

Gangguan gastrousus, termasuk cirit-birit, loya, sakit pada bahagian abdomen dan muntah, telah berlaku kepada sesetengah pesakit yang menerima *cefuroxime axetil*. Seperti antibiotik spektrum luas yang lain, terdapat laporan tentang *pseudomembranous colitis* (radang usus besar). Sakit kepala dan pening juga telah dilaporkan.

Xylid Tablet boleh menyebabkan alahan yang teruk dan tindak balas kulit yang serius.

Berhenti menggunakan *Xylid Tablet dan* minta bantuan ahli perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang symptom seperti berikut:
- Kulit kemerahan, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau keradangan mata.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda berasa tidak sihat. Kesan-kesan sampingan yang tidak disenaraikan mungkin berlaku pada sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my
[*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Xylid Tablet
Penyimpanan
Jauhi ubat-ubatan daripada kanak-kanak.

Simpan pada suhu bawah 30ºC. Lindungi daripada cahaya. Pastikan bungkusan ubat tertutup rapat.

Jangan ambil ubat yang telah melebihi tarikh luput yang dicetak pada bungkusan ubat.

Pelupusan
Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut
Rupa dan warna produk
Xylid Tablet 125 mg
Tablet berwarna putih, berbentuk bujur dan rata pada kedua-dua bahagian.

Bahan-bahan kandungan
Bahan aktif:
Cefuroxime 125mg (sebagai *Cefuroxime axetil*).

Bahan-bahan lain yang tidak aktif:
Microcrystalline cellulose, croscarmellose sodium, colloidal silicone dioxide, magnesium stearate dan *Opadry White.*

No. Pendaftaran:
Xylid Tablet 125 mg
MAL16105027AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
Pharmaniaga Manufacturing Berhad (198001006232),
No.11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini
01/11/2022

Nombor Siri
NPRA(R2/1)220819/934